

19 SEP 1996  
Lumba kereta  
M'SIA SERTAI ARENA FORMULA ONE

Oleh: Syed Jamil Jaafar

LISBON, 19 Sept (Bernama) -- Dalam satu lagi langkah ke arah menjadi sebuah negara dinamik, Malaysia kini menyertai arena lumba kereta Formula One (F1), lapangan yang sebelum ini dikuasai oleh negara-negara tertentu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual tiba di sini esok untuk membantu usaha Malaysia itu yang dimulakan oleh Petronas tahun lepas apabila ia menaja pasukan F1 Sauber dari Switzerland.

Terdapat rancangan bagi Malaysia Airports Berhad membina litar lumba kereta Formula One dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, dan jika semua berjalan lancar, Malaysia akan mengukir nama pada peta F1 dunia menjelang tahun 2000.

Indonesia dan China juga mempunyai hasrat yang sama. Setakat ini hanya Jepun berada dalam sirkit itu di Timur Jauh.

Petronas berkata dalam satu kenyataan bahawa ia menyertai Formula One untuk memantapkan kewujudannya secara global dan untuk sentiasa mengikuti perkembangan teknologi dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perniagaan utamanya.

Oleh kerana ia merupakan antara tarikan utama dalam bidang sukan, F1 mendapat liputan meluas di televisyen dan media cetak seluruh dunia dan ia menjadi saluran berkesan untuk menaikkan imej Petronas dan juga Malaysia di kaca mata antarabangsa.

Acara ini mendapat liputan menyeluruh sepanjang tahun, dengan lebih 350 juta penonton di 120 negara menyaksikan 16 perlumbaan.

Tahun lepas, Petronas mendapat liputan televisyen "secara langsung" selama 36 minit hasil lapan perlumbaan, menjadikan penajaan F1 sebagai pilihan efektif kepada iklan secara biasa.

Untuk memperolehi manfaat sepenuhnya daripada pembabitannya dalam F1, Petronas telah menubuhkan sebuah syarikat usaha sama, Sauber-Petronas Engineering AG, bagi mengukuhkan asas teknologinya. Petronas menguasai 40 peratus manakala bakinya dipegang oleh Red Bull Sauber Holding, sebuah syarikat Austria-Switzerland.

Petronas juga menandatangani kontrak untuk menaja pasukan Sauber selama lima tahun. Penajaan ini membolehkan nama dan logo Petronas dipamer di kedua-dua belah badan kereta Sauber C15, yang mempunyai enjin Ford Zetec-R V 10, dan juga di bahagian belakangnya.

Perkataan Petronas dan Malaysia tertera di bahagian sebelah, depan dan belakang kereta dan juga pada pakaian pemandu-pemandu dan krew.

Pasukan Red Bull Sauber akan beraksi di Litar Estoril dekat sini Ahad ini.

Dr Mahathir akan berada di tempat duduk utama bagi menyaksikan perlumbaan itu.

Selepas 14 perlumbaan, pasukan Sauber kini di tempat ke tujuh dengan 10 mata.

Pemandu-pemandu Sauber Heinz-Harald Frentzen dari Jerman dan Johnny Herbert dari Britain kini masing-masing di kedudukan ke 10 dan 14. Herbert mendapat tempat ketiga di Grand Priz Monaco pada 19 Mei lepas.

Litar Autodromo Fernanda Pires Da Silva sepanjang 4.36 km terletak tidak jauh dari pantai. -- BERNAMA

SJ MAI